

MCA perlu kembali kepada prinsip asal perjuangan: Chua

BH 14 APR 2002

PETALING JAYA: Pucuk pimpinan MCA perlu kembali kepada prinsip asal perjuangan parti itu, iaitu mengamalkan pengurusan secara rundingan dan muafakat, kata Naib presidennya, Datuk Chua Jui Meng.

Beliau berkata, sistem pengundian yang dijalankan sekarang banyak mengundang perpecahan dalam parti, sehingga mewujudkan dua puak yang bertelagah.

Katanya, perpaduan dalam MCA akan kembali terjalin sekiranya pimpinan parti sanggup pulang ke pangkal jalan bersama prinsip yang diamalkan sejak ia ditubuhkan.

"Ketika ini bukan tiada rundingan, ia masih diamalkan, tetapi tidak lagi secara menyeluruh. "Rundingan dan muafakat secara

ikhlas adalah kunci utama perpaduan MCA selama ini dan ia perlu kembali diamalkan untuk memulihkan semula kekeruhan yang melanda parti," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Pemakanan Sihat 2002, di sini semalam.

Bagaimanapun, Chua yang juga Menteri Kesihatan berkata, sistem pengundian tidak boleh diketepikan sama sekali kerana ia masih perlu terutama dalam mesyuarat agung yang membabitkan pemilihan ahli jawatankuasa.

"Kita tidaklah mahu ketepikan terus sistem pengundian ini. Ia masih perlu terutama dalam mesyuarat yang membabitkan pemilihan ahli jawatankuasa, tetapi ia haruslah diseimbangkan dengan sistem rundingan atau peng-

undian," jelasnya.

Terdahulu, ketika mengulas mengenai perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, Chua berkata langkah itu amat dialu-alukan.

Katanya, Dr Mahathir adalah orang yang paling layak untuk menyelesaikan semua kemelut MCA sekarang.

"Kita akan menerima apa juga keputusan beliau (Perdana Menteri) kerana memang beliaulah yang paling layak untuk memberikan pandangan dan nasihat dalam hal ini.

"Saya yakin semua masalah ini akan menemui jalan penyelesaiannya sekiranya mendapat nasihat daripada beliau," ujanya.